

## Kaedah baharu tangani penyeludupan

**TAWAU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menggariskan kaedah baharu yang lebih berkesan bagi menangani isu penyeludupan barang kawalan bersubsidi khususnya gas cecair petroleum (LPG) di Malaysia.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, setakat ini sistem sedia ada organisasi masih tidak berjaya mengekang aktiviti penyeludupan yang berada pada tahap serius khususnya di Tawau.

"Kita memerlukan kaedah lain yang lebih rapi, misalnya berkaitan pemantauan kerap, penambahan aset dan anggota selain bekerjasama dengan penguatkuasa lain termasuk Pasukan Polis Marin (PPM).

"Setakat ini, untuk kaedah terbaharu kita dalam proses fikir dan berbincang, bagaimana supaya penyeludupan LPG ini dapat dibanteras dan penduduk di Pulau Sebatik tidak terjejas bekalannya," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Bilateral bersama



Iskandar (kiri) dan Mohd Yusoff pada sidang akhbar selepas mesyuarat dua hala antara KPDNHEP dan PPM di Tawau semalam.

PPM yang dihadiri Komander PPM Malaysia, Senior Asisten Komisioner Mohd Yusoff Mamat di sini semalam.

Iskandar berkata, pihaknya juga dalam perancangan untuk menambah aset dan petugas sokongan bagi mengukuhkan penguatkuasaan di Tawau.

Menurutnya, mesyuarat semalam membincangkan kerjasama antara KPDNHEP dan PPM dalam penyusunan kerja serta penguatkuasaan undang-undang terutama berkaitan barang kawalan dan bersubsidi.

"Melalui mesyuarat ini, kita dapat merancang dan memastikan kerjasama dua agensi (KPDNHEP dan PPM) sejak 2017 dapat ditingkatkan, sekaligus menangani banyak isu dan menghasilkan kejayaan dalam tangkapan serta rampasan di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, antara kejayaan yang dicapai bersama PPM tahun lalu membabitkan rampasan sebanyak RM7.5 juta dengan 420 kes kertas siasatan dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. - Bernama